

TARIKH: 12/2/23
SURAT KHABAR: METRO AHAD
MUKA SURAT: 10

lokal

JKKP siasat kes pekerja maut terhempas ketika tukar lampu

Shah Alam: Meninggal dunia akibat terjatuh ketika mahu menukar lampu kalimantang rosak di sebuah pusat alat ganti kereta di Perindustrian Hicom-Glenmarie, di sini.

Dalam kejadian jam 3.55 petang, 20 Januari lalu, mangsa warga tempatan berusia 56 tahun cedera parah di kepala akibat terhempas.

Jabatan Keselamatan dan

Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor melalui kenyataan memaklumkan pihaknya mengeluarkan notis pembaikan ke atas premis berkenaan susulan insiden itu.

Menurut kenyataan itu, sepasukan pegawai penyiasat JKKP diarah menjalankan siasatan, selepas menerima maklumat mengenai kejadian itu.

"Hasil siasatan dijalankan,

JKKP Selangor mendapati menjalankan kerja rondaan dan mendapati lampu kalimantang rosak di premis berkenaan.

"Ketika kejadian mangsa cuba menukar lampu itu menggunakan tangga secara berseorangan susulan rakkannya bercuti sakit.

"Bagaimanapun, mangsa disyaki terjatuh dari ketinggian 3.4 meter ketika hendak memasang penutup (cover) lampu itu," jelasnya.

Menurut kenyataan itu lagi, mangsa yang cedera di kepala dibawa ke hospital untuk dirawat dan turut

menjalani pembedahan.

Mangsa disahkan meninggal dunia pada 8 Februari lalu.

"Susulan siasatan itu, JKKP Selangor mengeluarkan Notis Pembaikan ke atas kegagalan majikan mewujudkan prosedur kerja selamat bagi penggunaan tangga secara *buddy system* dan pengenalpastian tangga sesuai ketika kerja penukaran lampu.

"Siasatan dijalankan bagi mengenal pasti punca kemalangan dan pihak bertanggungjawab ke atas kemalangan itu," katanya.

JKKP Selangor menegaskan sedia mengambil tindakan perundangan ke atas pihak bertanggungjawab sekiranya didapati wujud pelanggaran mengikut peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Mangsa disyaki
terjatuh dari
ketinggian 3.4 meter